

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 APRIL 2016

Sikap pengerusi antara punca kerugian syarikat

Temerloh: Pembangunan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) terbantut sejak kebelakangan ini kerana terikat dengan kuasa dimiliki bekas pengurusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata bekas Perdana Menteri itu dikatakan sukar menerima pandangan dan idea orang lain

mengenai usaha memajukan syarikat pengeluar kereta nasional.

“Pada masa Dr Mahathir dalam PROTON... ia tidak boleh disentuh dan sukar (kerajaan) untuk bertindak untuk memajukan syarikat yang besar.

“Itu sebab PROTON tidak dapat menyaingi syarikat pengeluar kereta lain yang lebih maju dan kompetitif serta menguntungkan PROTON yang

ramai jurutera Bumiputera boleh berjaya dengan bantuan kerajaan dan diurus secara profesional,” katanya.

Annuar berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat kelompok cawangan UMNO Bahagian Kuala Krau, di sini, hari ini. Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian yang juga Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ismail Mohd Sa-id.

Terdahulu, lebih 500 ahli UMNO bahagian itu mengadakan solat hajat memohon mengelak ahli UMNO berpecah dan kemakmuran negara.

Campur tangan punca rugi
Di Bera, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata campur tangan Dr Mahathir menyebabkan syarikat kereta nasional berkenaan ga-

gal berkembang dan mencatatkan kerugian berpanjangan.

Katanya, beliau difahamkan semua perancangan, termasuk dari segi pentadbiran dan perubahan kecil dalam PROTON perlu mendapat kelulusan Dr Mahathir menyebabkannya tergendala.

“Jika dilihat beberapa kali PROTON cuba berunding dengan pihak luar untuk meluaskan pasarannya dan mencari rakan kongsi tetapi ia tidak dapat diteruskan kerana ada campur tangan Pengerusi PROTON (Dr Mahathir).

“Diharapkan dengan ketiadaan Dr Mahathir (meletak jawatannya dalam PROTON) dapat memastikan syarikat itu berkembang dengan lebih baik dan mencatat keuntungan pada masa depan,” katanya.

BH - 3/4/2016